



# TELENISA

STATISTIK & DAPATAN 2019

sisters in islam



## Diterbitkan oleh

### SIS Forum (Malaysia) - Sisters in Islam

No. 4, Lorong 11/8E, 46200 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

**T** +603 7960 3357 / 5121 / 6733

**E** sis@sistersinislam.org.my

**W** www.sistersinislam.org

## Pasukan Produksi

### Barisan Penulis

Shareena Sheriff and Ireeny Muzammel

### Penyemak



Rozana Isa

### Pereka

Teddie Goh

### Terjemahan

Johan Radzi



Sisters In Islam



@SistersInIslam



sistersinislam.my



SistersinIslamMYS



# KANDUNGAN

## **i Kata Pengantar Pengarah Eksekutif**

### **Klien Kami**

- 1 Demografi Klien
- 2 Klien Lelaki
- 3 Kaedah Berkomunikasi
- 3 Pekerjaan
- 4 Lokasi & Pendapatan Isi Rumah
- 5 Tempoh Perkahwinan
- 6 Pembubaran Perkahwinan
- 7 Pengalaman Klien
- 9 Tumpuan Kami

### **Hak Isteri**

- 10 Fasakh
- 11 Nafkah Isteri
- 12 Keganasan Yang Dilalui Wanita

### **Hal-Ehwal Keluarga**

- 15 Poligami

### **Hak Anak**

- 16 Penjagaan Anak
- 18 Nafkah Anak
- 21 Anak Tidak Sah Taraf (Kes Bin Abdullah)

### **Tumpuan Khas**

- 22 Perkahwinan Kanak-Kanak
- 23 Penderaan Kanak-Kanak

### **24 Program Ngo Pusat Bantuan Guaman**

### **25 Apa Yang Boleh Anda Bantu?**

### **26 Jabatan Bantuan Guaman**

## Assalamualaikum semua,

Ini merupakan tahun keempat bagi Sisters in Islam (SIS) menerbitkan Statistik Telenisa secara tahunan, yang mengumpulkan data daripada Klinik Guaman Telenisa yang telah SIS lancarkan sejak 2003.

Bagi statistik tahun 2019, terdapat pertambahan 6% klien yang menghubungi kami, dan terdapat juga beberapa renungan yang menarik mengenai perkara-perkara yang dihadapi wanita dan lelaki dalam mengakses hak mereka dan anak-anak mereka di bawah Undang-Undang Keluarga Islam dibandingkan dengan tahun-tahun lalu.

Nafkah anak masih menjadi salah satu isu paling utama. Peratusan isu ini sejak 2016 kekal hampir sama – di antara 31% dan 33%. Berkaitan ini, bapa-bapa samada tidak memberi nafkah dengan cukup atau tidak langsung memberi nafkah oleh kerana mereka menganggur.

Di bawah seksyen 73(2) Enakmen Undang-Undang Islam Selangor, mahkamah boleh memerintahkan agar mana-mana “orang-orang yang bertanggung di bawah Hukum Syarak” (datuk, pakcik, atau pewaris belah bapa) untuk membayar nafkah anak sekiranya bapa tidak mampu. Ramai wanita tidak mengetahui tentang peruntukan ini. Mungkin juga keberkesanan peruntukan ini masih dipersoalkan – namun begitu, ianya ada.

Pada tahun-tahun akan datang, sejauh manakah peruntukan ini adalah masih relevan sekiranya

jabatan-jabatan dan mekanisme kerajaan yang memegang kunci dalam memastikan anak-anak mendapat hak yang selayaknya? Barangkali kaedah yang lebih berkesan adalah dengan menubuhkan Agensi Sokongan Anak-anak di peringkat Persekutuan (Federal Child Support Agency) yang menjamin anak-anak mendapat nafkah secara tuntas, tanpa lecehan prosedur mahupun birokrasi yang dilazimi ibu-ibu di bawah aturan sediakala. Dulu, ini merupakan salah satu pilihan yang diterokai oleh kerajaan Malaysia yang dibuat ke negara-negara lain yang telah melaksanakan perkara ini buat sedemikian lama. Telah tiba masanya untuk kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkait di Malaysia untuk melunaskan hal ini dengan serius demi kehidupan dan masa depan anak-anak di Malaysia.

Buat penerbitan ini, meskipun banyak menumpukan data statistik 2019, kami turut menyertakan kemaskini-kemaskini yang berkaitan pada awal 2020, bagi tujuan kontekstual demi analisis-analisis dan perbahasan-perbahasan terhadap sesetengah isu.

Sisters in Islam ingin memanjatkan ucapan terima kasih kami kepada ramai insan serta institusi-institusi yang telah mendukung kerja-kerja kami di Telenisa. Kami ingin memberikan penghargaan besar kepada Yayasan Sime Darby atas sumbangan dan sokongan dana kepada Klinik Guaman Telenisa dari September 2019 hinggalah 2022.

Kami juga turut berterima kasih kepada Pusat-Pusat Bantuan Guaman Kuala Lumpur dan Selangor di atas kerjasama mereka dengan Sisters in Islam dan Telenisa

sejak 2003. Program ini memberikan pendedahan kepada ramai bakal peguam dalam mengendalikan kes-kes dan tugas-tugas berkaitan Undang-Undang Keluarga Islam.

Penerbitan dan pelancaran Statistik Telenisa 2019 ini takkan terzahir tanpa sokongan Yayasan Friedrich Naumann, yang telah menjalin kerjasama dengan Sisters in Islam dalam pelbagai projek berkaitan dengan hak-hak wanita sejak 1993.

Akhir kata, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua klien kami yang sudi datang kepada kami dan menaruh keyakinan kepada kami untuk membantu urusan-urusan mereka. Besar harapan kami agar perkhidmatan ini tidak diperlukan lagi di suatu masa depan, ketika kesaksamaan dan keadilan bagi wanita di dalam keluarga menjadi kenyataan buat semua.




**ROZANA ISA**  
*Pengarah Eksekutif,  
Sisters in Islam*

# Demografi Klien

Telenisa telah berjaya membantu 610 klien pada tahun 2019, pertambahan dari 576 klien pada tahun 2018. 436 merupakan klien baru dan 174 pula klien berulang. 556 klien (91%) merupakan wanita dan 54 klien (9%) pula lelaki.


**Klien Baru & Berulang (2016-2019)**



## Jantina Klien



Umur klien pada 2019 berjulat dari 18 tahun hingga 72 tahun. Kebanyakan klien Telenisa berusia antara 31-40 tahun (35%), diikuti 20-30 tahun (32%) dan 41-50 tahun (19%). Berdasarkan kepelbagaian dan variasi usia, boleh disimpulkan bahawa klien-klien Telenisa yang menghadapi masalah datang dari golongan orang muda sehinggalah warga emas.



# Klien Lelaki

Telenisa beriltizam untuk berkhidmat dan membantu kesemua klien kami, tanpa mengira jantina. Sejak 2017 sehingga 2019, Telenisa telah berkhidmat untuk 212 klien lelaki. Julat usia klien lelaki kami adalah daripada orang muda sehinggalah warga emas. Jumlah klien lelaki lebih rendah berbanding klien wanita setiap tahun. Pada tahun 2017, kami menerima 95 klien lelaki dan 63 klien lelaki pada tahun 2018. Jumlahnya turun kepada 54 klien lelaki pada tahun 2019.


Susutan klien lelaki mempengaruhi peratusan klien lelaki dibandingkan klien wanita sepanjang tahun. Peratusan klien lelaki kami pada tahun 2017 adalah 13%, lalu jatuh kepada 11% pada tahun 2018, dan akhirnya turun ke kadar terendah sepanjang 3 tahun, iaitu hanya 9% klien lelaki pada tahun 2019.

Susutan jumlah klien lelaki diambil perhatian kerana klien lelaki mungkin lebih berat hati

*"Isteri saya selalu memukul saya sehingga cedera. Saya tak mahu ambil tindakan sivil terhadap isteri. Apakah jalan yang ada untuk saya buat, jika pakai kaedah syariah?"*


- **KLIEN TELENISA**

**Peratusan (%) Klien Lelaki**



untuk mencari bantuan berkaitan hal rumahtangga jika dibandingkan dengan klien wanita. Dua isu utama klien lelaki datang merujuk kepada Telenisa adalah tentang penjagaan anak sebanyak 11 inkuiri dan tatacara penceraian sebanyak 9 inkuiri. Selainnya adalah isu harta sepencarian, pendaftaran perkahwinan dan pengesahan lafaz talaq, menjadi inkuiri utama ketiga daripada klien lelaki kami.

**Klien Lelaki vs Klien Perempuan**



Mangsa keganasan rumahtangga bukan terhad kepada wanita sahaja. Sekurang-kurangnya dua klien lelaki adalah mangsa keganasan rumahtangga. Mereka melaporkan bahawa mereka telah didera secara mental dan fizikal oleh isteri mereka.


# Kaedah Berkomunikasi

Pada tahun 2019, kaedah berkomunikasi yang sering digunakan oleh klien kami adalah melalui telefon sebanyak 331 klien, diikuti dengan kaedah emel sebanyak 205 klien. 64 klien memilih untuk berkomunikasi melalui laman Facebook kami dan 10 klien membuat pertemuan dengan kami untuk mendapatkan bimbingan secara bersemuka.



Kebanyakan klien Telenisa tidak dapat mengadakan temujanji bersemuka oleh kerana faktor-faktor seperti kekangan kewangan untuk bergerak, tiada kenderaan, atau sulit mencari masa yang sesuai sebab mereka bekerja dan susah untuk mereka mendapatkan kelonggaran atau cuti daripada kerja.

## Profesion dalam Peratus (%)



# Pekerjaan

55% klien Telenisa bekerja dalam sektor swasta, diikuti sektor awam sebanyak 24% dan sektor-sektor lain pada 21%. Buat carta ini, sektor-sektor lain juga melibatkan mereka yang menganggur.


Klien kami terlibat dengan pelbagai jenis pekerjaan. Pada tahun 2019, kategori tertinggi adalah dari sektor profesional sebanyak 27%, dan ini merupakan pertambahan daripada tahun 2018 iaitu 12%. Ini diikuti oleh pekerja sokongan sebanyak 21% yang juga pertambahan daripada tahun 2018 iaitu 9%. Suri rumah meliputi 17% klien kami, pertambahan daripada tahun 2018 iaitu 7%.

Telenisa menekankan kepentingan untuk memberi bantuan kepada golongan yang lebih rentan seperti suri rumah dan penganggur. Ini adalah kerana, sekiranya wanita tersebut kurang atau tiada pendapatan, ia memberikan kesan kepada kebolehan seseorang wanita untuk mengendalikan isu perkahwinan dan hal-ehwal keluarga. Bagi tujuan ini, Telenisa terus mengadakan kuliah ilmu dan sesi kesedaran untuk mendidik warga Muslim di Malaysia tentang hak dan tanggungjawab mereka di bawah Undang-Undang Keluarga Islam.

## Sektor Profesion Klien









# Lokasi & Pendapatan Isi Rumah

Seperti tahun-tahun sebelum ini, kebanyakan klien Telenisa tertumpu di Lembah Klang. Pada tahun 2019, 288 klien berada di Selangor diikuti Kuala Lumpur dengan 131 klien. Telenisa juga mempunyai 34 klien dari Malaysia Timur. Telenisa berhasrat untuk mengembangkan perkhidmatannya di luar kawasan Lembah Klang. Klinik Bantuan Guaman Bergerak Telenisa kerap menganjurkan program kesedaran bersama komuniti-komuniti di seluruh negara. Kami terus merancang untuk program-program kesedaran di luar Lembah Klang, termasuklah Malaysia Timur.

**Lokasi Klien**



**Pendapatan Isi Rumah (%)**




42% pendapatan isi rumah klien kami tidak diketahui memandangkan mereka tidak memberikan butiran tersebut. 20% daripada pendapatan isi rumah klien Telenisa jatuh dalam kurungan pendapatan RM2,501 – RM5,000 sebulan dan 12% klien adalah dalam kurungan pendapatan RM1,001 – RM2,500 sebulan, sementara 10% klien kami meraih pendapatan bawah RM1,000 sebulan. Berdasarkan statistik kami dan pengelasan pendapatan, sekurang-kurangnya 1/3 klien kami datang dari

golongan B40 (kelas berpendapatan rendah) dengan pendapatan bulanan tidak melebihi RM4,360. Ini diikuti golongan M40 (kelas berpendapatan menengah) dengan pendapatan bulanan antara RM4,361- RM9,619. Klien kami jarang datang dari golongan T20 (kelas berpendapatan tinggi) dengan pendapatan bulanan melebihi RM9,620. Sementara statistik mempamerkan bahawa klien kami jarang datang dari T20, kami mengambil maklum bahawa 27% klien Telenisa adalah dari latar belakang profesional. Penting untuk dinyatakan sekali lagi bahawa 42% klien kami tidak mahu mendedahkan maklumat pendapatan mereka.

# Tempoh Perkahwinan

Telenisa juga merekodkan tempoh perkahwinan klien yang diterima. Peratusan tertinggi klien kami telah berkahwin melebihi 10 tahun (36%) diikuti dengan perkahwinan antara 4-7 tahun (28%). Ini berbeza dengan statistik kami pada 2018 di mana kebanyakan klien kami telah berkahwin dalam tempoh bawah 1 tahun.

Di bawah adalah perbandingan klien kami untuk tempoh perkahwinan 2018 dan 2019:



Terdapat pertambahan besar bagi semua kategori tempoh perkahwinan melainkan kategori di bawah setahun, yang jatuh dengan mendadak dari 28% kepada 6% tahun ini. Sekurang-kurangnya bagi

*"Saya telah berkahwin hampir setahun. Kini, hanya sayalah pencari nafkah bagi keluarga ini memandangkan suami saya telah dipecat kerja seurus setelah kami berkahwin. Suami saya berdarah panas dan kekadang boleh jadi manipulatif, dan saya telah diherdik dan dimaki acap kali kami bertengkar. Dia menyalahkan saya atas segala-gala masalah yang timbul dalam perkahwinan kami. Paling menyedihkan, suami saya juga cenderung mengorat perempuan lain, meskipun kami telah diijabkabulkan"*

- **KLIEN TELENISA**

*"Kami dah berkahwin tiga tahun. Saya dah tak tahan sebab suami saya gemar berjudi. Dia selalu pakai duit saya. Duit sewa rumah, bil-bil, dan perbelanjaan bayi semuanya ditanggung saya seorang. Kekadang dia ada bantu tetapi dia tak menunaikan nafkah kepada saya dan anak. Dia sering berkata bahawa memandangkan saya dah bekerja, dia tak perlu lagi membayar nafkah. Apabila saya cuba mempertahankan hak saya sebagai isteri, dia akan menuduh saya mengkhianat dan tak layak ke syurga. Tambahan lagi, ibu mertua dan suami saya melarang saya untuk mengirim wang kepada kedua ibubapa saya."*

- **KLIEN TELENISA**

klien Telenisa, banyak pasangan muda bertahan melalui tahun pertama berumahtangga tetapi menemui banyak masalah untuk meneruskannya. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) melaporkan dalam bulan November 2018 bahawa 1/3 perkahwinan berakhir dengan penceraian dalam masa lima tahun pertama berumahtangga. Trend ini juga dapat dilihat pada klien-klien Telenisa, dengan pertambahan peratusan dari tahun 2018 ke tahun 2019 bagi setiap kategori tempoh perkahwinan melainkan kategori bawah 1 tahun.

# Pembubaran Perkahwinan

Pada tahun 2019, tiga sebab utama bagi pembubaran perkahwinan adalah keganasan rumahtangga, kecurangan dan masalah komunikasi, masing-masing pada kadar 15%. Jika dibandingkan dengan statistik tahun 2018, keganasan rumahtangga menurun sedikit daripada 17%. Namun, terdapat pertambahan kes kecurangan daripada 10%. Masalah komunikasi juga menurun sedikit daripada 18%.

“Suami saya merupakan seorang yang panas baran dan cepat mengamuk. Suami saya tidak bekerja dan hanya saya sahaja yang menanggung keluarga. Saya pernah ke Pejabat Agama untuk kaunseling namun suami saya tidak hadir. Saya juga pernah diserang oleh beliau. Anak kami yang berusia 3 tahun juga sebelum ini hampir diserang oleh suami saya. Saya ingin bercerai.”

- KLIEN TELENISA

“Suami saya telah pun berkahwin di seberang tanpa pengetahuan saya. Saya ingin tahu, semasa suami hendak mendaftarkan pernikahan kedua di Malaysia, adakah perlu kehadiran isteri pertama untuk pendaftaran pernikahan mereka disahkan di pejabat agama? Kerana selain daripada menuntut cerai, saya ingin tahu jika saya boleh membantah perkahwinan mereka.”

- KLIEN TELENISA


“Saya telah buat permohonan Fasakh. Saya telah keluar dari rumah kerana didera suami, adakah saya perlu buat laporan polis supaya tidak didakwa sebagai isteri Nusyuz?”

- KLIEN TELENISA

“Saya telah didera secara fizikal setahun lalu, apabila saya tahu dia curang sementara saya sedang berpantang. Dia dah tak pukul lagi, tapi dia mengugut saya dari masa ke semasa.”

- KLIEN TELENISA

Sebab seterusnya bagi pembubaran perkahwinan adalah kegagalan suami untuk menyediakan nafkah (14%), sama ada kepada isteri atau anak. Ini diikuti poligami sebagai punca pembubaran perkahwinan yang meningkat ke 11% dari 6% tahun lepas.



# Pengalaman Klien

“Keadilan yang ditangguhkan adalah keadilan yang dinafikan”


Klien Telenisa telah menzahirkan rasa tidak puas hati mereka terhadap beberapa aspek sistem perundangan Syariah, yang pada pendapat mereka menyebabkan kes-kes mahkamah mereka berpanjangan. Klien-klien ini telah membuat tuntutan nafkah isteri, harta sepencarian, nafkah anak, penjagaan anak, *Mutaah* dan lain-lain dan mereka kecewa kerana proses perundangan yang mereka terpaksa lalui memakan masa yang lama, mahal dan rumit. Dalam sesetengah kes, wanita-wanita ini kadangkala rela tidak menuntut hak-hak mereka melalui mahkamah kerana mereka merasakan kosnya sangat tinggi, baik duit mahupun masa.


## Tempoh Penangguhan



Klien merasa tidak puas hati memandangkan kes-kes mahkamah mengambil terlalu banyak masa untuk selesai. Kebanyakan kes klien kami mengambil masa antara 1-5 tahun untuk selesai. 29% tak berpuas hati kerana kes-kes mereka masih berjalan setelah 5-10 tahun dan 4% pula mengadu bahawa kes-kes mereka berjalan melebihi 10 tahun.

## Sebab-sebab Kes Berpanjangan





## Pengalaman dengan Peguam Syarie

Melalui temu ramah bersama klien kami, klien kadangkala memaklumkan kepada kami pandangan mereka tentang perkhidmatan yang mereka terima dari peguam syarie mereka. Contohnya seperti berikut:

- Kekecewaan atas bayaran mahal.
- Tidak puas hati dengan perkhidmatan yang disediakan oleh peguam yang menyebabkan klien terpaksa melantik peguam lain.
- Terdapat juga aduan bahawa peguam-peguam datang lewat untuk sebutan di mahkamah, datang tetapi tidak bersedia, atau menolak permohonan klien untuk bercerai melalui *Ta'liq* atau *Fasakh*, tetapi langsung tidak menasihati tentang alternatif lain.

## Pengalaman dengan Sistem Mahkamah Syariah

- Klien mengadu tentang prosedur-prosedur yang rumit. Dalam satu pembubaran perkahwinan, beberapa fail perlu dibuka di Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah. Klien diberikan dua tarikh berbeza untuk dua sebutan. Ini melecehkannya dan juga, isu-isu dan tuntutan-tuntutan tidak dapat didengari secara menyeluruh.
- Klien kami mempunyai kes penjagaan anak sejak tahun 2017 di Mahkamah Syariah. Tiada panggilan atau surat diterima daripada mahkamah mengenai sebutan kes, tetapi pada bulan Ogos 2019, beliau telah menerima perintah

mahkamah berkenaan kesnya. Perintah ini diberi ketika beliau tidak menghadiri prosiding di mahkamah.

- Klien berjaya dalam tuntutan *Mutaah* dan nafkah. Namun, bekas suaminya tidak mematuhi perintah mahkamah. Klien kami memohon kepada mahkamah untuk satu perintah untuk mengambil sebahagian gaji bulanan suaminya sebagai bayaran, tetapi mahkamah enggan memberi perintah tersebut. Bayaran tersebut masih tertunggak.
- Seorang kakitangan mahkamah tidak menyelia kes klien kami dengan betul untuk mengisi kertas-kertas kausa. Dalam kes lain, klien kami ditunjukkan kepada kamar bicara yang salah.

## Pengalaman dengan Hakim-Hakim Syarie

Sesetengah klien juga tidak berpuas hati dengan hakim-hakim Syarie. Antara rungutan mereka termasuklah:

- Seorang hakim menolak keterangan yang dikemukakan oleh si isteri oleh kerana kegagalan si suami untuk hadir ke mahkamah dan mengesahkan keterangan tersebut.
- Seorang hakim tanpa sebab yang munasabah telah memanjangkan kes cerai klien sejak 2017 kerana si suami enggan menceraikan si isteri.
- Seorang klien dinasihati oleh hakim untuk memulakan kes *Fasakh* terhadap suaminya tetapi tindakan tersebut tidak dibenarkan oleh hakim yang sama disebabkan kegagalan si suami untuk menghadiri prosiding mahkamah, ketiadaan saksi-saksi, serta kekurangan keterangan. Klien kami kecewa memandangkan hakim tersebut yang menasihatnya setelah dimaklumkan dengan fakta kes.

- Klien dan bekas suaminya mempunyai persetujuan di luar mahkamah untuk berkongsi penjagaan anak. Namun, ini telah dinafikan oleh hakim dan klien kami dinasihati agar tidak berkongsi penjagaan kerana ia akan menyebabkan masalah kepada anak bila timbul hal pendaftaran sekolah. Ini memeranjatkan klien kami kerana beliau telah pun berbincang dengan tertib dengan bekas suaminya, bukan sahaja untuk berkongsi penjagaan tetapi juga bagaimana untuk mengendalikan logistik serta keperluan-keperluan lain anak-anak mereka.
- Suami klien memfailkan permohonan poligami di mahkamah. Namun, suami hanya memfailkan dokumen mahkamah kepada klien setengah jam sebelum sebutan bermula. Dia juga telah mencuri kad pengenalan klien kami dan memalsukan surat bahawa klien kami bersetuju untuk berpoligami. Apabila isu ini ditimbulkan di mahkamah, hakim tersebut mengatakan bahawa klien kami telah membazirkan masa mahkamah dan seharusnya tidak berkelakuan sedemikian oleh kerana beliau telah "bersetuju dengan perkahwinan baru ini".

## Pengalaman dengan Jabatan-Jabatan Agama

Terdapat juga aduan dibuat tentang jabatan-jabatan agama, terutama berkenaan kekurangan pengetahuan mengenai prosedur mahkamah Syariah dan hak-hak seorang isteri dan bekas isteri.

# Kebimbangan Kami

Banyak isu dalam Mahkamah Syariah melibatkan wanita dan layanan terhadap wanita di dalam pelaksanaan sistem perundangan Syariah, dan ini telah menjadi suatu subjek perbahasan hangat. Berdasarkan pengalaman-pengalaman klien Telenisa, perbincangan sering berkisar kepada kekhawatiran bahawa wanita Muslim yang terpaksa berdepan dengan layanan yang mendiskriminasi dan rintangan-rintangan untuk mendapatkan akses ke keadilan.

Layanan diskriminasi ini boleh melunturkan semangat mereka, dan mengakibatkan kesusahan kepada anak-anak di bawah jagaan mereka. Para wanita yang terpaksa menempuhi sebutan mahkamah yang kerap mengalami situasi di mana mereka terpaksa berkompromi dalam hal yang terkait dengan pekerjaan mereka, dan ini mungkin akan merencatkan ekonomi keluarga mereka. Para wanita yang tidak menerima bayaran nafkah seperti yang diperintahkan oleh mahkamah tidak mampu untuk membeli makanan atau pakaian buat anak-anak mereka. Apalagi, hukuman yang ringan (atau tiada hukuman) dikenakan ke atas suami-suami yang tidak hadir sebutan mahkamah, atau lesap, atau tidak menyediakan nafkah.

Kami berharap untuk menangani cabaran serta mencapai kesaksamaan gender dan akses kepada mahkamah bagi semua. Kami juga berharap agar semua


pihak menerima keputusan penghakiman dengan penuh kerelaan bagi menjunjung dan melindungi hak-hak wanita dan kepentingan anak di dalam sistem perundangan Syariah.

Sisters in Islam mengajukan agar lebih ramai wanita diwakili dalam sistem perundangan Syariah. Para wanita dan pengalaman-pengalaman serta realiti kehidupan mereka dapat menawarkan suatu naratif yang lebih seimbang kepada isu-isu masalah rumahtangga, termasuklah kesan kepada kehidupan mereka dan anak-anak mereka.

Sepanjang ini, terdapat beberapa anjakan-anjakan progresif yang melibatkan wanita di dalam sistem perundangan Syariah. Pada tahun 2017, jumlah wanita berdaftar dengan Persatuan Peguam Syarie mengalami pertambahan melebihi 40% (>200 wanita) dalam jangka 5 tahun. Pada tahun 2018, British Broadcasting Corporation (BBC) menamakan YA Nenny Shushaidah Shamsuddin, salah seorang daripada dua Hakim Mahkamah Tinggi Syariah di Malaysia, di dalam senarai 100 wanita yang memberi inspirasi. Beliau menjelaskan bahawa keutamaannya adalah untuk memperjuangkan hak dan melindungi wanita Muslim di dalam mahkamah dan mahu mengubah tanggapan serong terhadap perundangan Syariah. Namun, jumlah hakim wanita masih lagi rendah.

Sebaliknya, terdapat lebih ramai wanita yang menjadi penyumbang penting di dalam sistem perundangan sivil. Pada Mei 2019, Datuk Tengku Maimun Tuan Mat melakarkan sejarah apabila beliau menjadi wanita pertama yang menyandang tugas sebagai Ketua Hakim Negara. Pada 25 November 2019, hakim Mahkamah Persekutuan Dato' Rohana Yusof diangkat sebagai Presiden Mahkamah Rayuan. Beliau merupakan wanita pertama yang menyandang pangkat kedua tertinggi di dalam badan kehakiman di Malaysia. Buat pertama kali di Malaysia, kerusi tertinggi mahkamah dianggotai enam hakim wanita di antara 10 hakim Mahkamah Persekutuan.

Buat masa ini, kita mesti sedar hakikat bahawa kebanyakan individu yang memegang otoriti di dalam sistem perundangan Syariah di Malaysia adalah lelaki. Lantaran itu, lelaki juga mesti diberikan kesedaran tentang dampak diskriminasi, sama ada dilakukan secara langsung atau secara tidak langsung atau akibat daripada sistem sedia kala. Pengalaman wanita di mahkamah menyokong keperluan mendesak untuk program kesedaran gender diadakan untuk semua hakim di seluruh negara.



# Fasakh

KEKAL SEBAGAI BILANGAN INKUIRI TERTINGGI UNTUK PERCERAIAN

Peruntukan *Fasakh* dihuraikan di dalam ayat berikut:

Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya "nusyuz" (kebencian), atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian di antara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya), kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai-berai); sedang sifat bakhil kedekut (tidak suka memberi atau bertolak ansur) itu memang tabiat semula jadi yang ada pada manusia. Dan jika kamu berlaku baik (dalam pergaulan), dan mencegah diri (daripada melakukan kezaliman), maka sesungguhnya Allah Maha Mendalam PengetahuanNya akan apa yang kamu lakukan. **(SURAH AN-NISA':128)**


Antara enam kaedah bagi pembubaran perkahwinan di bawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 (AUUKI), *fasakh* kekal sebagai bilangan tertinggi bagi inkuiri-inkuiri pada tahun 2019 dengan 98 kes. *Fasakh* biasanya adalah kaedah perceraian yang difailkan oleh isteri, terutamanya sekiranya suami enggan menceraikannya.

Seksyen 52 di bawah AUUKI menyediakan **12 sebab** di mana seseorang isteri boleh memohon *fasakh*, termasuklah bila para suami:

- mendera isteri;
- telah melupuskan harta isteri;
- telah dipenjarakan; dsb

Kebanyakan klien kami memohon untuk cerai *fasakh* bila berlakunya keganasan rumahtangga. Klien kami menghadapi proses yang

## Jenis Perceraian



mencabar dan ini adalah salah satu sebab kenapa sokongan yang meluas mesti dihulurkan kepada mangsa-mangsa keganasan rumahtangga. Keterangan-keterangan yang diperlukan oleh Mahkamah Syariah termasuklah laporan polis, laporan perubatan dan seorang saksi. Para mangsa mesti membuktikan fakta kes kepada hakim sebelum hakim boleh megisytiharkan suatu perkahwinan itu terubur, tanpa memerlukan kehadiran dan izin suami.

Para mangsa yang terselamat boleh juga melancarkan prosiding jenayah terhadap pelaku keganasan rumahtangga di Mahkamah Syariah. Para mangsa yang terselamat juga boleh mencari rumah perlindungan. Wanita yang bergelutan dengan isu keganasan rumah tangga boleh juga mendapatkan pertolongan dari penyedia-penyedia perkhidmatan kebajikan serta NGO seperti Pertubuhan Pertolongan Wanita (Women's Aid Organisation).

"Saya telah berkahwin dengan seorang lelaki warganegara Indonesia. Namun, saya telah diabaikan dan ditinggalkan di Malaysia sejak 2017 sehingga sekarang. Suami saya telah pun pulang ke Indonesia dan tidak lagi berhubung dengan saya. Saya telah memfailkan cerai taklik tapi mahkamah menasihatkan saya untuk menuntut fasakh. Saya mahukan penjelasan mengenai fasakh."

- **TELENISA CLIENT**

# Nafkah Isteri

Salah satu hadis yang sering disebut berkaitan nafkah adalah dari Hindun binti 'Utbah yang merupakan isteri kepada Abu Sufyan. Di dalam **Sahih Al-Bukhari**, terjemahan Muhsin Khan, bab al-Nafaqah, Jilid VII, edisi keenam, halaman 212, dilaporkan oleh 'A'isyah bahawa Hindun binti 'Utbah berkata:

“Wahai Rasulullah, Abu Sufyan seseorang yang kedekut dan tak menyediakan secukupnya untuk saya dan anak-anak, bolehkah saya mengambil hartanya tanpa pengetahuannya?” Rasulullah (saw) berkata, “ambillah secukupnya buat kamu dan anak, jumlah yang adil dan munasabah.”

Menyediakan nafkah isteri kekal sebagai beban dan tanggungjawab seorang suami sepanjang perkahwinan dan jika melalui perceraian, sehinggalah tempoh iddah selesai (3 bulan daripada perceraian tersebut). Telenisa menerima 107 kes sepanjang tahun 2019 berkenaan nafkah isteri. Carta di bawah menerangkan sebab-sebab isteri menghadapi kesukaran untuk menerima nafkah sepanjang perkahwinan dan setelah pembubarannya.


“Bekas suami menipu alasan menceraikan saya iaitu saya berubah setelah berpindah ke Johor. Dan untuk pengetahuan, saya tidak pernah berpindah ke Johor. Saya telah bermastautin di Kuala Lumpur selama 17 tahun. Nafkah saya tidak pernah diberikan. Dia memberi alasan saya bekerja maka saya perlu menanggung keperluan diri sendiri.”

- **KLIEN TELENISA**

Beban seorang suami untuk menyediakan nafkah bagi isterinya sepanjang perkahwinan dan juga selepas pembubaran perkahwinan diperuntukkan bawah **Seksyen 59(1) AUUKI**. Sekiranya suami gagal memberi nafkah, isteri boleh membuat tuntutan kepada suami atau mana-mana individu tersenarai di bawah *Hukum Syarak*, yang akan dirincikan lebih lanjut dalam bab Nafkah anak.

Kebanyakan klien wanita kami yang bekerja telah menyuarakan kekhuatiran bahawa suami mereka tidak pernah membayar nafkah sebab si isteri mendapat gaji atau suami mereka berhenti memberi nafkah bila si isteri mula bekerja. Hakikat bahawa seseorang wanita mendapat upah atau gaji tidak membatalkan tanggungjawab suami untuk menyediakan nafkah. Namun, oleh kerana kos sara hidup yang tinggi di Malaysia sekarang, pasangan harus berkompromi dan bertolak ansur dalam isu kewangan rumahtangga, dan tidak ada salahnya sekiranya isteri juga membuat sumbangan pendapatan kepada kos pembiayaan keluarga.


## Kesukaran Isteri Menerima Nafkah





# Keganasan Yang Dialami Wanita

Telenisa telah merekodkan **199 kes** penderaan terhadap wanita pada tahun 2019. Keganasan rumahtangga biasanya digambarkan sebagai kekasaran dan keganasan fizikal. Namun, terdapat keganasan-keganasan jenis lain yang jarang dikenali sebagai keganasan rumahtangga. Klien kami menghadapi keganasan-keganasan jenis lain termasuklah:



**47% klien Telenisa mengalami penderaan psikologikal (atau emosi)** termasuklah ugutan, mengancam untuk mencederakan, fitnah, dan pengasingan. Contoh termasuklah membuat pasangan ketakutan melalui tingkah laku kasar seperti merosakkan harta atau memukul haiwan peliharaan, pengawasan berterusan atau cuba mengongkong pergaulan mangsa dan lain-lain.

**Psikologikal atau penderaan emosi** merencatkan keyakinan diri seseorang. Contoh termasuklah kritikan berpanjangan, memanggil nama yang tidak senonoh, memalukan, mengejek, dan menghina mangsa;

*"Saya berumur 19 tahun dan suami berumur 22 tahun. Kami baru berkahwin kurang daripada setahun. Saya masih belajar. Saya ingin bercerai dengan suami atas sebab saya dianiaya dari segi emosi, seksual dan kewangan"*

- **KLIEN TELENISA**

**Penderaan kewangan meliputi 12%** penderaan yang diharungi klien kami. Ini melibatkan perbuatan atau cubaan untuk menjadikan mangsa hanya bergantung penuh kepada si pelaku. Contoh termasuklah menghalang atau mengharamkan isteri bekerja, wang yang si isteri ada dihadkan atau dicuri oleh si suami, apabila mereka berduit pula isteri harus membutirkan setiap perbelanjaan, memakai kad

# Keganasan Yang Dialami Wanita



kredit tanpa izin, menggunakan nama si isteri dalam dokumen perjanjian atau kontrak, berjudi dengan harta keluarga, dan sebagainya.

*"Saya tidak rela melakukan hubungan kelamin dengan suami sebelum tarikh cerai tetapi dia memaksa dan ugut saya juga, bahawa saya akan berdosa besar jika tidak. Adakah ini dikira sebagai rogol? Apa yang boleh saya lakukan?"*

- **KLIEN TELENISA**


Penderaan kewangan mengakibatkan mangsa tiada duit untuk membeli keperluan asasi seperti makanan dan pakaian. Ia menghindar akses mereka kepada akaun bank mereka sendiri, atau dibebani dengan hutang-hutang yang dibuat atas nama mereka. Penderaan kewangan merupakan kaedah berkesan untuk memastikan mangsa keganasan rumahtangga terus kekal di dalam situasi penderaan. Meskipun jika mangsa telah meninggalkan rumah, penderaan kewangan masih boleh dilakukan melalui nafkah anak.

**6% klien Telenisa mengalami keganasan seksual** di dalam perkahwinan dan di dalam konteks kekeluargaan termasuklah pemerkosaan di dalam perkahwinan (rogol dalam perkahwinan). Ini berlaku apabila pasangan tidak berkeinginan atau

dipaksa untuk bersetubuh, atau apabila pasangan tidak dapat memberikan keizinan kerana tidak waras, diberi ubat atau dadah, tidur atau kurang upaya dari segi mental. Penderaan seksual juga berlaku apabila pasangan dipaksa untuk melakukan sesuatu yang menghina atau keji, dinafikan penggunaan kontrasepsi, dilarang penggunaan perlindungan penyakit kelamin, dipaksa untuk melakukan pengguguran, mutilasi alat kelamin wanita, dan lain-lain.

Telenisa telah merekodkan **1 kes rogol dalam perkahwinan** pada tahun 2019. Di bawah undang-undang Malaysia, rogol dalam perkahwinan bukanlah suatu jenayah tetapi seseorang boleh didakwa di bawah undang-undang kerana melakukan keganasan seksual di dalam perkahwinan. Keganasan seksual mengakibatkan kekacauan kesihatan mental, kecenderungan untuk bunuh diri, kehamilan yang tidak diingini, komplikasi kehamilan atau keguguran, penyakit kelamin, penyalahgunaan dadah, dan lain-lain.

**3% klien Telenisa mengalami pengasingan atau penderaan sosial** dalam tahun 2019. Penderaan sosial merupakan sejenis penderaan yang berkait rapat dengan perilaku mengongkong atau mengawal pasangan. Dengan membatasi pergaulan pasangan, atau menghadkan perlakuan, cita-cita, buah fikiran, dan perasaan pasangan, si pelaku sedang cuba untuk memisahkan mangsa daripada sebarang sumber yang diperlukan (samada peribadi atau awam) yang boleh membantu mereka memutuskan hubungan tersebut.



Semakin lama, pengasingan ini semakin meningkat, membataskan mangsa daripada bertemu dengan sesiapa melainkan si pelaku. Akhirnya mangsa tersisih sepenuhnya tanpa sebarang sumber bantuan serta kehilangan segala hubungan peribadi yang mungkin dapat menolongnya keluar dari keadaan ini. Di dalam kes-kes keganasan rumahtangga, beberapa jenis penderaan ini wujud untuk melumpuhkan si mangsa dan memastikan kawalan yang menyeluruh terhadapnya.

Banyak mangsa keganasan rumahtangga takut untuk melaporkan keganasan rumahtangga atau meninggalkan rumah kerana mereka kluatir mereka akan disabitkan dengan *Nusyuz*. Ini tidak benar. *Nusyuz* di bawah undang-undang melibatkan situasi bilamana isteri enggan secara tidak munasabah untuk mentaati kemahuan suaminya yang tak bercanggah dengan hukum, seperti:

- apabila dia enggan bersama suaminya;
- apabila dia meninggalkan suaminya tanpa izin; atau
- apabila dia enggan berpindah dengan suaminya ke tempat lain atau rumah lain, **tanpa sebarang sebab yang munasabah menurut Hukum Syara'.**


Jika keganasan berlaku di dalam keluarga, isteri mempunyai hak untuk memastikan keselamatan dirinya dan anaknya, dan dia tidak akan disabitkan *nusyuz*. Penting dinyatakan di sini bahawa isteri tidak boleh diisytihar *Nusyuz* oleh suami, ia mestilah melalui permohonan kepada Mahkamah Syariah.

*"Saya ingin memfailkan fasakh oleh kerana suami tidak pernah memberikan nafkah kepada saya dan tahun lepas suami ada mencekik saya."*

- **KLIEN TELENISA**

*"Suami saya mula mengongkong saya, apabila saya mahu keluar saya harus mendapatkan keizinannya. Dia juga membataskan masa untuk saya bertemu sahabat dan keluarga."*


- **KLIEN TELENISA**



# Poligami

Pada tahun 2019, 89 klien (15%) telah terlibat dalam perkahwinan berpoligami. Pecahan bagi yang terlibat dalam poligami adalah seperti berikut:

**Klien dari Peranan Berbeza Dalam Poligami**



Kebanyakan isu tentang perkahwinan berpoligami adalah berkaitan dengan kegagalan suami untuk berlaku adil dan saksama untuk menafkahi dan menjaga dua atau lebih keluarga. Seseorang suami hanya mampu melaksanakan tanggungjawab kewangan dan keperluan secara memadai untuk isteri pertama dan anak-anak tapi masih tidak teragak untuk berkahwin sekali lagi. Sisters in Islam telah secara konsisten mengadvokasikan agar Undang-Undang Keluarga Islam

*"Saya amat terkejut dan kecewa apabila suami saya berkahwin lagi satu di seberang tanpa pengetahuan saya. Suami merahsiakan perkahwinan ini selama 6 tahun tanpa pengetahuan saya dan anak. Suami saya tidak layak berpoligami kerana tidak mampu. Kami mempunyai 5 anak. Saya ingin menuntut cerai kerana saya telah dizalimi dan diabaikan bertahun-tahun sedangkan saya membesarkan anak dan persekolahan mereka sehingga tamat universiti sepanjang 30 tahun perkahwinan. Saya berasa sangat tertekan dan malu."*

- **KLIEN TELENISA**

dipinda untuk mewajibkan si suami mengisytiharkan kesemua aset dan tanggungan apabila memohon untuk berpoligami di hadapan mahkamah dan mempertimbangkan keupayaan kewangannya sebelum berkahwin lagi. Ini untuk memastikan bahawa tiada wanita atau anak-anak yang ditinggalkan tanpa nafkah atau tersisih di dalam suatu hubungan rumahtangga disebabkan poligami.


Terdapat beberapa keadaan apabila memohon untuk berpoligami, si suami mengakui bahawa beliau memiliki kedudukan kewangan dan aset yang stabil dan sebagainya. Namun, ketika disuruh menanggung nafkah isteri dan nafkah anak, si suami akan merayu kepada mahkamah bahawa beliau gagal untuk menyediakan nafkah isteri dan anak-anak kerana kesempitan kewangan dan tidak mempunyai aset.

Maka, untuk mengelakkan perkara ini, sepatutnya ada syarat-syarat yang ketat di bawah undang-undang bagi pengisytiharan aset dan tanggungan untuk pertimbangan mahkamah. Tambahan lagi, perlu diadakan perintah mahkamah mengarahkan suami menyediakan nafkah untuk kebajikan isteri yang terdahulu serta anak-anak.

# Penjagaan Anak

Perebutan hak penjagaan anak kekal sebagai isu utama apabila ada pembubaran perkahwinan. Pada tahun 2019, Telenisa merekodkan 92 kes melibatkan hak penjagaan anak. Isu terpenting di antara klien kami adalah hak melawat dengan 88 kes. Jika dibandingkan dengan statistik pada tahun 2017 dan 2018, tahun ini terdapat pertambahan mendadak isu-isu berkait hak melawat anak dan penurunan mendadak dalam perebutan hak jagaan anak. Klien-klien wanita Telenisa yang baru bercerai dari perkahwinan berpoligami menyatakan bahawa bekas suami mereka tidak bertengkar tentang hak penjagaan anak, tetapi isu hak melawat anak menjadi lebih penting dan utama.

Isu-isu Dalam Hak Jagaan Anak (%)



*"Saya telah bercerai dengan bekas suami selama 4 tahun dan selama ini dia tidak memberi nafkah anak dan saya terpanggil untuk membuat tuntutan hak penjagaan anak kerana saya takut dia akan melarikan anak saya ketika saya tiada di rumah atau anak ada di sekolah."*

- **KLIEN TELENISA**

Pertimbangan utama untuk mahkamah apabila timbul hal *Hadhanah* (penjagaan) adalah "kemaslahatan anak". Secara umumnya, hak seorang ibu untuk jagaan anak-anak diutamakan oleh mahkamah, melainkan terdapat bukti yang menyatakan bahawa si isteri akan menjejaskan kemaslahatan anak tersebut.


Meskipun si ibu boleh memegang hak jagaan anak, si bapa adalah penjaga yang sah bagi anak tersebut bawah Undang-Undang Keluarga Islam. Sekiranya beliau mati, hak sebagai penjaga yang sah tersebut diwariskan kepada saudara lelakinya. Seorang penjaga yang sah bertanggungjawab untuk menguruskan semua keputusan terpenting untuk si anak, termasuklah persekolahan, masalah kesihatan, permohonan untuk pasport, kad pengenalan dan lain-lain. Penjagaan sah lazimnya berakhir apabila si anak mencapai usia 18 tahun. Ini menyebabkan masalah buat ibu-ibu bilamana suami tidak dapat dikesani atau enggan bekerjasama. Walaupun si ibu tidak dapat hak penjagaan sah, aturan kerajaan membenarkan ibu untuk menandatangani persetujuan bagi pihak anak-anak mereka bagi isu-isu kritikal seperti permohonan pasport, mendapat rawatan hospital, melakukan pembedahan dan hal-hal berkaitan dengan persekolahan anak.

# Penjagaan Anak

Apabila salah seorang ibubapa telah mendapat hak jagaan fizikal si anak, yang seorang lagi lazimnya bakal mendapat hak melawat anak. Ibubapa bebas untuk mengendalikan waktu lawatan, tapi apabila mereka tidak dapat mencapai kata sepakat, mahkamah yang akan isu kan perintah. **Klien kami menyatakan bahawa bekas pasangan mereka tidak bersetuju dengan jadual lawatan yang telah disusun kerana mereka juga mahu terlibat dalam penjagaan anak-anak mereka. Dalam masa yang sama, mereka mempunyai jadual-jadual yang bertindihan dan kekacauan waktu. Hal ini mendorong kepada tekanan antara si ibu dan si bapa, dan juga memberi impak negatif kepada anak-anak.**

Antara 92 kes melibatkan jagaan anak, Telenisa mencatatkan 9 kes (10%) penculikan oleh ibubapa. Penculikan oleh ibubapa ditakrifkan sebagai penyembunyian, pengambilan, atau penyimpanan anak tanpa menghiraukan hak pihak yang lagi satu ke atas anak tersebut. Hal ini berlaku apabila ibubapa tersebut telah berpisah, hidup berasingan atau sedang memulakan prosiding perceraian. Salah seorang anak kepada klien kami yang berwarganegara Malaysia telah dibawa lari oleh isterinya yang berwarganegara asing, keluar dari Malaysia, akibat pertenggaran mereka.

Salah seorang ibubapa akan mengambil atau menyimpan anak daripada pihak sebelah untuk mendapat kelebihan ketika prosiding perbicaraan




*“Bagaimana jika si suami membawa lari anak luar nikah kami ke kampung halamannya dan tidak mahu menyerahkan anak itu kepada saya sebagai ibu kandungnya? Adakah saya perlu membuat laporan polis? Walaupun kami masih suami isteri dan anak itu adalah anak luar nikah kami, siapakah yang lebih berhak sebenarnya untuk menuntut hak penjagaan anak itu?”*

- **KLIEN TELENISA**

dijalankan. Contoh lain yang berlaku adalah apabila salah seorang ibubapa enggan memulangkan anak setelah tamatnya tempoh lawatan atau melarikan anak atas alasan keganasan rumahtangga dan penderaan. Ia juga boleh berlaku apabila si anak telah, atau sedang, atau mana-mana ibubapa kkuatir bahawa anaknya akan diambil oleh pihak berkuasa, biasanya kerana prosiding yang dijalankan berlaku di mana anak-anak berada dalam keadaan bahaya.

Penculikan anak-anak oleh si ibu atau si bapa secara tidak sah ke negara lain bukanlah trend baru di Malaysia. Konvensyen Hague yang telah dikuatkuasakan pada 25 October 1980 tentang Aspek Sivil Penculikan Anak Antarabangsa dikuatkuasakan pada 1 Disember 1983. Konvensyen ini bertujuan untuk melindungi anak-anak daripada




# Nafkah Anak

pengambilan tidak sah anak-anak daripada negara asalnya dan untuk menggariskan tatacara-tatacara bagi memastikan keupulangan anak-anak tersebut dengan selamat, selain juga untuk menjamin hak akses bagi setiap ibubapa. Malaysia masih belum mengakreditasi konvensyen tersebut, tidak seperti 82 negara lain. Lantaran itu timbul persoalan tentang kedudukan ibubapa dari segi undang-undang antarabangsa dalam kes-kes penculikan anak. Maka, dalam banyak rungutan yang kami terima, pihak kerajaan tidak mempunyai kuasa yang memadai untuk menjamin keupulangan anak.

Penculikan anak adalah dilarang sama ada secara langsung atau secara tidak langsung oleh undang-undang Malaysia dan juga di bawah Kanun Keseksaan dan undang-undang berkaitan yang lain. Ini termasuklah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, Kanun Keseksaan dan Akta Kanak-Kanak 2001. Seksyen 105 AUUKI membenarkan mahkamah menghindar mana-mana tindakan melarikan si anak ke luar Malaysia, sama ada dimohon ibu, bapa atau mana-mana orang yang ada kepentingan dengan hal tersebut. Seksyen ini memastikan bahawa ibubapa yang bukan penjaga yang sah tidak mengeluarkan anak ke luar Malaysia melainkan dengan izin mahkamah. Namun, undang-undang ini tidak boleh dikuatkuasakan di luar Malaysia.

Aduan nafkah anak adalah antara isu yang paling membimbangkan. Dalam tahun 2019, terdapat 307 kes yang diterima berkaitan anak-anak, dari mana 95 kes melibatkan nafkah anak dan 33 kes melibatkan tunggakan nafkah anak. Peratusan kes-kes melibatkan nafkah anak sepanjang tahun tidak banyak berubah berjulat di antara 31% - 33%. Peratusan tunggakan nafkah anak telah bertambah empat kali ganda dari tahun 2016 ke tahun 2018 - dari 5% pada tahun 2016 kepada 20% pada tahun 2018. Buat tahun 2019, 11% kes adalah berikutan tunggakan nafkah anak.

**Kes-kes Nafkah Anak (%)**



Nafkah anak menurut Seksyen 72(1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 (AUUKI) termasuklah tempat tinggal,

# Nafkah Anak

makanan, keperluan ubatan, dan pendidikan yang mesti disediakan oleh si bapa.



Dua isu utama tentang nafkah anak adalah si bapa tidak menyediakan nafkah secukupnya pada 52% dan si bapa yang menganggur tidak menyediakan nafkah langsung pada 31%. Si bapa yang ingkar perintah mahkamah pula berjumlah pada 9%, sementara perintah mahkamah tidak diberikan kepada suami pada 4%. Bapa-bapa yang langsung gagal menyediakan nafkah pada 3% dan kes-kes yang mana bapa menghilangkan diri atau gagal dikesani pada 1%. Sisters in Islam telah mengadvokasikan agar hukuman yang lebih berat dikenakan ke atas bapa-bapa yang gagal memenuhi tanggungjawab nafkah anak mereka.

*Banyak bekas suami enggan menafkahi isteri mereka kerana mereka tahu isteri-isteri mereka tidak mampu membayar untuk pertolongan guaman. Akhirnya, mereka terlolos daripada tanggungjawab begitu saja. Kini, jika mereka tidak akur dengan perintah, kami akan ambil tindakan."*

- PENGARAH TINGGI JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH  
DATUK DR MOHD NA'IM MOKHTAR

Dalam beberapa negara, pihak kerajaan mengambil tanggungjawab untuk memastikan si bapa membayar nafkah. Ini adalah kerana negara-negara ini menyifatkan kebajikan anak-anak sebagai isu nasional terpenting. Sisters in Islam juga mengajukan supaya Agensi Nafkah Anak Persekutuan ditubuhkan untuk menaksir, mengumpul dan melaksana nafkah-nafkah tertunggak bagi anak-anak di dalam keluarga yang sudah berpisah ibu dan bapanya atau baru bercerai. Tujuannya adalah untuk menyediakan dana secukupnya bagi anak-anak, menjadikan ia sebagai bayaran automatik dan berterusan, tanpa memerlukan perintah mahkamah untuk menuntut nafkah dari bapa-bapa yang gagal menyediakannya.

Tanpa mengira anak bawah jagaan siapa, si bapa bertanggungjawab untuk memberi nafkah anak. Kebanyakan klien kami biasanya tidak pergi ke mahkamah untuk menuntut nafkah kerana mereka beranggapan bahawa ia tidak akan mendatangkan hasil atas sebab si bapa tiada pendapatan. Namun, ia diperuntukkan di bawah undang-undang bahawa sekiranya si bapa tidak dapat memberi nafkah anaknya, tanggungjawab tersebut akan digalas oleh "seseorang yang bertanggung" sepertimana di bawah *Hukum Syarak* yang disebut dalam seksyen 73 (2) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor.

Berdasarkan peruntukan ini, **mahkamah boleh memerintahkan mana-mana "seseorang yang bertanggung di bawah *Hukum Syarak*"**



di dalam hal ehwal Undang-Undang Islam supaya menanggung nafkah atau memberi sumbangan kepada nafkah kanak-kanak jika bapa kanak-kanak itu telah mati atau tempat di mana bapanya berada tidak diketahui atau jika dan setakat mana bapanya tidak berupaya menanggung nafkah kepada anak-anak. Hakim-hakim Syariah cenderung untuk mengizinkan tuntutan nafkah daripada “seseorang yang bertanggung di bawah *Hukum Syarak*” tapi banyak isteri atau ibu tidak tahu pasal perkara ini bawah undang-undang. Isteri atau ibu boleh berbuat demikian dengan menyenaraikan ‘orang-orang yang bertanggung’ sebagai defendan-defendan bagi tuntutan nafkah.

“Orang-orang yang bertanggung di bawah *Hukum Syarak*” yang dirujuki undang-undang adalah datuk si anak, bapa-bapa saudara, dan pewaris dari belah bapa. Ini diperuntukkan di bawah Perintah Amalan Mahkamah No. 14, 2007 berjudul ‘Pengaturan benefisiari-benefisiari ke atas nafkah’. Di dalam perintah amalan yang sama, mahkamah juga boleh memainkan peranan untuk memastikan bahawa kos sara hidup anak-anak yang tidak dipelihara oleh bapa dan pewarisnya didanai oleh Baitulmal.

Statistik yang disediakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia menunjukkan bahawa jumlah kes-kes berdaftar di mahkamah mengenai penjagaan dan penanggung nafkah juga melonjak dari 5,831 pada 2013 kepada 8,106 tahun lepas (2019).

Kami melihat banyak penambahbaikan dengan penubuhan **Biro Sokongan Keluarga (BSK)**. BSK telah ditubuhkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) untuk menguatkuasakan perintah nafkah yang diperintahkan oleh Mahkamah Syariah. BSK ditubuhkan untuk memastikan supaya perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah dipatuhi dan dipenuhi oleh bekas suami/bapa kepada bekas isteri/anak-anak. Bekas isteri/anak boleh membuat aduan kepada BSK.

“Bekas suami saya telah gagal untuk membayar nafkah anak sebanyak RM200 sebulan selama 5 bulan berturut seperti yang telah dipersetujui semasa proses Sulh pada tahun lepas. Apa yang perlu saya lakukan apabila bekas suami gagal mengikut perintah mahkamah? Saya juga bercadang untuk menghantar anak ke sekolah pada tahun hadapan apabila anak berumur 4 tahun. Bolehkah saya ubah perintah untuk pembayaran dibuat melalui penolakan gaji setiap bulan?”

- **KLIEN TELENISA**

Pegawai BSK akan melancarkan beberapa tindakan, termasuklah menganjurkan sesi rundingan yang melibatkan kedua-dua pihak untuk mencapai kata sepakat. Jika ini tidak dikecapi, perintah penguatkuasaan dan pelaksanaan akan difailkan di Mahkamah Syariah. Bermula pada 2012 BSK telah menunjukkan bahawa sistem e-Nafkah juga menyediakan fail-fail maya. Sistem ini bertindak dwifungsi sebagai pangkalan data dan menyimpan semua perintah nafkah yang diperintahkan oleh mahkamah. BSK akan mengawasi setiap kes ini dan berkomunikasi melalui perkhidmatan MySMS.

Bekas isteri/anak-anak yang telah mendaftarkan kes dengan BSK boleh memohon untuk mendapatkan nafkah pendahuluan. Permohonan-permohonan akan disaring berdasarkan beberapa kelayakan dan nafkah pendahuluan sepanjang (6) bulan akan disalurkan. Nafkah pendahuluan ini kemudiannya akan dituntut semula dari BSK daripada bekas suami/bapa.

### Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)

Blok C, Kompleks Islam Putrajaya, No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3, 62100 Putrajaya, Malaysia.

T: (+603) 8870 9200

E: [portaladmin@esyariah.gov.my](mailto:portaladmin@esyariah.gov.my)

# Anak Tak Sah Taraf (Kes Bin Abdullah)


Banyak klien menghadapi masalah berkenaan ‘anak tak sah taraf’, rentetan komplikasi undang-undang yang hadir bersamanya.

Anak tak sah taraf bermakna anak yang dilahirkan di luar pernikahan atau persetubuhan yang syubhah. "Persetubuhan Syubhah" bermakna hubungan seksual yang dilakukan adalah berdasarkan tanggapan salah bahawa perkahwinan tersebut adalah sah di bawah Hukum Syarak. Di antara 19 kes anak tak sah taraf yang kami terima, 9 kes melibatkan kepayahan untuk melantik seorang Wali pada masa perkahwinan, 6 kes pula apabila klien yang tidak terima nafkah daripada bapa kandung mereka kerana sepertimana digariskan di bawah Undang-Undang Keluarga Islam, bapa kandung tiada tanggungjawab untuk menyediakan nafkah untuk anak-anak tak sah taraf, 3 kes klien menghadapi konflik untuk menuntut penjagaan anak tak sah taraf mereka memandangkan bapa kandung tiada hak untuk penjagaan melainkan bapa kandung tersebut memohon untuk mengambil anak kandungnya itu sebagai anak angkat dibawah undang-undang, dan 1 kes klien kami menghadapi kepayahan dengan dokumen-dokumen rasmi dan pendaftaran kelahiran anak.

Seorang anak Muslim yang juga anak tak sah taraf tidak diizinkan untuk mendaftarkan nama bapa mereka di dalam sijil kelahiran. Mereka harus menggantikannya dengan “bin Abdullah”. Ini bukanlah peruntukan mana-mana undang-undang. Namun, sebuah fatwa telah dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan bersempena Jawatankuasa Majlis Fatwa ke-57 berkenaan Hal-Ehwal Agama Islam (Fatwa Kebangsaan ke-57) pada 10 Jun 2003 menyatakan bahawa anak tak sah taraf, samada diikuti dengan perkahwinan atau tidak, mestilah dinamakan dengan ‘bin/binti Abdullah’. Pada 13 Februari 2020, keputusan majoriti Mahkamah Persekutuan di dalam kes Jabatan

Pendaftaran Negara, Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara v Anak, M.E.M.K., N.A.W. menekankan bahawa anak-anak Muslim yang dikandung di luar pernikahan tidak boleh membawa nama bapanya. Sisters in Islam mengharapkan suatu keputusan yang akan menyelesaikan isu akar stigmatisasi anak-anak Muslim yang dilahirkan di luar pernikahan kerana dibebani oleh nama “bin Abdullah” sebagai nama bapanya. Penggunaan “bin Abdullah” untuk anak-anak Muslim yang dilahirkan di luar pernikahan terpalit dengan stigma sosial kerana mereka sering diejek, diserang, dibuli, dan disasarkan. Keputusan Mahkamah Persekutuan untuk mengalihkan “bin Abdullah” daripada nama si anak dan menghindarinya daripada memakai nama bapanya hanya akan menjurus kepada stigmatisasi lain bagi anak-anak yang mengalami nasib sebegini.

## Isu-isu Anak Tidak Sah Taraf



Sisters in Islam dari semasa ke semasa menyeru agar lebih pertimbangan diberikan apabila Undang-Undang Islam dan fatwa dirangkakan. Rukun Islam yang terpenting - **keadilan, ihsan, dan belas-kasihan** - mesti menjadi pendorong utama. Jelas bahawa fatwa tentang anak-anak yang dilahirkan di luar pernikahan ini telah menyebabkan mereka menanggung banyak penderitaan dan tidak mendapat apa-apa manfaat kepada kebajikan dan kepentingan mereka.

# Perkahwinan Kanak-kanak

Pada September 2018, Selangor menjadi negeri pertama di Malaysia yang menaikkan usia perkahwinan bagi orang Islam kepada 18 tahun, meskipun dengan beberapa pengecualian. Pada November 2019, berikut langkah progresif ini, lima negeri lain telah bersetuju untuk menggubal undang-undang yang sama, iaitu Pulau Pinang, Sabah, Johor, Melaka dan Perak (meskipun sehingga tarikh penerbitan risalah ini, tarikh penggubalan belum ditentukan). Malangnya, terdapat lagi tujuh negeri yang enggan menggubal undang-undang ini, iaitu Sarawak, Pahang, Terengganu, Perlis, Negeri Sembilan, Kedah dan Kelantan.

Kebelakangan ini, pada Januari 2020, YAB Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail, mantan Menteri di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengambil inisiatif untuk membasmi kemelut perkahwinan kanak-kanak dengan melancarkan Rancangan Strategik Kebangsaan 5-tahun untuk mengatasi sebab-sebab perkahwinan bawah umur. Pihak kerajaan telah mengamati beberapa faktor yang menyukarkan perkahwinan kanak-kanak dihentikan seperti pendapatan keluarga yang rendah dan kemiskinan, kekurangan atau ketiadaan akses kepada pendidikan kesihatan reproduktif dan kemahiran keibubapaan, kurangnya akses pendidikan dan kehadiran di sekolah rendah, stigma dan adat masyarakat yang memandang perkahwinan kanak-kanak sebagai kunci penyelesaian bagi setiap masalah, undang-undang yang longgar, dan keperluan untuk mendapatkan data perkahwinan dan perceraian.



Pada Mac 2020, Malaysia masih membenarkan perkahwinan kanak-kanak di bawah 18 tahun tanpa sebarang penyelesaian khusus dalam pemindaan undang-undang di peringkat nasional untuk menyelesaikan masalah ini.


The screenshot displays the 'Sisters in Islam' logo at the top, followed by the heading 'PUBLIC STATEMENTS ON CHILD MARRIAGE'. Below this, there is a list of various statements and reports, each with a date and a link to the full document. The statements include:

- PROTECT OUR CHILDREN FROM RAPISTS AND PAEDOPHILES** (MAY 13, 2013)
- Lindungi Anak-anak Kita: Naikkan Umur Minimum Perkahwinan** (DECEMBER 2, 2015)
- Move to Ban Child Marriage in Malaysia** (APRIL 26, 2018)
- JAG Statement: Gross Violation of Children's Rights in Kelantan** (JULY 2, 2018)
- Joint Statement on Child Marriage** (JUNE 21, 2018)
- Do Not Use Islam to Justify Child Marriage** (JULY 2, 2018)
- End Child Marriage Now!** (JUNE 30, 2018)
- Government Must Protect the Welfare of All Children** (JULY 11, 2018)
- Perkahwinan Kanak-Kanak: Berhenti Berdolak-Dalik, Tangani Isu Tanpa Alasan** (JULY 5, 2018)
- Kenyataan bersama berkenaan perkahwinan kanak-kanak** (JULY 5, 2018)


# Penderaan Kanak-kanak

Penderaan kanak-kanak atau penganiayaan terhadap mereka adalah penganiayaan fizikal, seksual, dan/atau psikologikal, atau pengabaian anak-anak, terutamanya oleh salah seorang ibubapa atau penjaga. Penderaan kanak-kanak termasuklah mana-mana tindakan atau kegagalan untuk bertindak oleh salah seorang ibubapa atau penjaga yang mengakibatkan kepada kemudaratan atau bakal membawa kemudaratan kepada anak. Ia boleh berlaku di rumah, atau di dalam kelompok, sekolah, atau masyarakat yang berinteraksi dengannya. Malaysia telah menyaksikan lonjakan kes-kes sumbang mahram, rogol, dan penderaan fizikal yang parah. Banyak yang tampil sebagai tajuk utama di berita-berita peringkat kebangsaan. Sebagai contoh, Malaysia telah dikejutkan oleh kes seorang bapa yang didakwa kerana telah sering merogol dan melakukan

## Pecahan Umur Penyelamat Indera (2013 - 2017)



## Kes Sumbang Mahram Mengikut Negeri (2017)



SUMBER: POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM) & PERTUBUHAN PERTOLONGAN WANITA (WAO)

perhubungan sumbang mahram ke atas anaknya yang berusia 15-tahun. Sejurus itu pula, kita sekali lagi disentak dengan sebuah kes yang melibatkan empat anggota keluarga yang melakukan perhubungan sumbang mahram ke atas dua adik-beradik perempuan di Kota Samarahan. Di dalam pertengahan tahun, seorang jejaka berusia 18 tahun telah ditahan kerana merogol adik perempuannya yang berusia lapan tahun di Sungai Petani.

Mantan menteri di dalam Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong berkongsi bahawa jumlah kes sumbang mahram yang difailkan di mahkamah pada tahun 2019 telah bertambah jika dibandingkan dengan tahun 2018. Pada 2019, 35 kes telah direkodkan sebagai tiada tindakan lanjut (NFA) jika dibandingkan dengan 7 kes pada tahun 2018. Untuk kes rogol, jumlah kes yang difailkan di mahkamah pada Ogos 2019 adalah 269 kes. Sementara tahun lepas, terdapat 481 kes. Selanjutnya, 183 kes cabul telah difailkan di mahkamah di dalam lapan bulan pertama 2019 jika dibandingkan dengan 384 sepanjang 2018. 54 kes gangguan seksual telah direkodkan pada Ogos 2019 lepas, jika dibandingkan dengan 90 kes pada 2018.


Ini adalah isu besar yang menuntut banyak perhatian daripada pihak kerajaan dan pihak berkuasa, agar tidak berterusan.

# PROGRAM NGO PUSAT BANTUAN GUAMAN

Pusat Bantuan Guaman Kuala Lumpur dan Selangor telah bekerjasama dengan Sisters in Islam sejak 2003. Pada 2019, kami menerima sejumlah **29 orang peguam pelatih** yang telah menganggotai Telenisa. Pelatih-pelatih yang terlibat di dalam program ini telah melalui Latihan Bantuan Guaman NGO yang memperkenalkan kerja-kerja asas NGO dan salah satunya ialah perkhidmatan Telenisa. Mereka juga didedahkan kepada kuliah satu hari di Sisters in Islam yang mana mereka diberi gambar keseluruhan berkenaan Undang-Undang Keluarga Islam, kerja-kerja Telenisa, pengendalian klien, penyediaan memberi nasihat guaman, pengurusan pangkalan data dan lain-lain.

Sepanjang berada dengan Telenisa, mereka juga ditugaskan untuk jadi pemerhati mahkamah di kedua-dua Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah di Kuala Lumpur dan Selangor. Mereka ditugaskan untuk mengamati prosiding mahkamah sebagai sebahagian daripada pembelajaran mereka, serta pendedahan untuk berurusan dengan kes-kes undang-undang keluarga. Sewaktu wawancara bersemuka dengan klien, penglibatan mereka amat digalakkan, dan diselia oleh pegawai guaman Telenisa. Mereka juga dijemput untuk menghadiri program-program kesedaran Telenisa seperti Klinik Guaman Bergerak serta bengkel-bengkel keilmuan.

**Sisters in Islam amat berterima kasih kepada Pusat Bantuan Guaman Kuala Lumpur dan Selangor di atas sokongan dan kesinambungan program ini dan kepada peguam-peguam pelatih yang telah banyak menabur bakti untuk Telenisa!**



## Bagaimana Untuk Anda Membantu?

Sumbangan boleh disalurkan melalui: **SIS Forum (Malaysia)** • **5641 8240 5457 (Maybank)**

### Kelompok yang membantu & mendukung Hak-Hak Wanita

#### Talian NUR

15999

*Keganasan  
rumah tangga,  
penderaan anak*

#### All Women's Action Society (AWAM)

03 - 7877 4221

*Kaunseling,  
keganasan seksual  
& rogol*

#### Women's Aid Organisation (WAO)

03 - 7965 3488

*Kaunseling dan  
rumah perlindungan  
untuk wanita*

#### Perak Women for Women (PWW)

05 - 546 9715

*Kaunseling*

#### Legal Aid Centre (Selangor)

03 - 5510 7007

*Perwakilan  
guaman percuma*

#### Legal Aid Centre (Kuala Lumpur)

03 - 2693 1440

*Perwakilan  
guaman percuma*

#### Women Centre for Change (WCC) Penang

04 - 228 0342

*Kaunseling & nasihat  
guaman percuma*

#### Women Centre for Change (WCC) Seberang Prai

04 - 298 8340

*Kaunseling & nasihat  
guaman percuma*

#### Sabah Women's Action Resource Group (SAWO)

088 - 269 291

*Kaunseling & nasihat  
guaman percuma*


#### Sarawak Women for Women Society (SWWS)

082 - 422 660

*Kaunseling & nasihat  
guaman percuma*

# JABATAN BANTUAN GUAMAN

Jabatan Bantuan Guaman (LAD) adalah jabatan kerajaan yang menyediakan khidmat bantuan guaman kepada orang-orang yang layak selari dengan Akta Bantuan Guaman 1971. Kerajaan bertujuan untuk menyediakan khidmat ini kepada orang awam dengan bayaran yang lebih rendah, sebagai alternatif kepada perkhidmatan peguam-peguam swasta.



## Bidangkuasa LAD adalah seperti berikut

1. asihat guaman dalam setiap perkara berkaitan undang-undang
2. Bantuan guaman dalam perkara-perkara prosiding (litigasi) seperti berikut:
  - i) Perkara jenayah
  - ii) Pelbagai perkara sivil
  - iii) Perkara keluarga sivil
  - iv) Perkara keluarga syariah
3. Pengantara untuk kes-kes syariah dan sivil
4. Khidmat Pendamping Guaman

## Kelayakan Pemohon

### Kategori I (biayaan penuh)

- Pendapatan pemohon mestilah tidak melebihi RM30,000, setahun
- Jika layak, segala kos akan ditanggung oleh pihak kerajaan.
- Hanya bayar RM10 untuk setiap satu kes.

### Kategori II (biayaan separa)

- Pendapatan pemohon dalam lingkungan RM30,000 - RM50,000 setahun.
- Pemohon mesti membayar pihak kerajaan sumbangan sebanyak RM2,000- RM5,000 (bergantung kepada kes)
- Jumlah sumbangan akan ditaksir oleh Ketua Pengarah.

## Procedure for Legal Aid

1. **Pemohon mendaftar** - Pemohon mestilah mengisi ujian kemampuan dan borang ajuan berkanun.
2. **Ujian kemampuan dijalankan** - Wawancara dijalankan untuk mengenali isu-isu, remedi, dan keperluan pemohon.
3. **Permohonan diproses (tidak melebihi 3 hari)** - jika permohonan diluluskan, syarat-syarat bantuan guaman akan ditawarkan.
4. **Pemohon membayar yuran pendaftaran sebanyak RM10.00 dan sumbangan (jika terpakai) sekiranya dia menerima syarat-syarat** - Bantuan guaman diluluskan.
5. **Fail tindakan dibuka dan didaftarkan** - Brief difailkan ke mahkamah

# sisters in islam

SIS FORUM - MALAYSIA (266561W)

## SIS Forum (Malaysia)


No. 4, Lorong 11/8E, Petaling Jaya 46200 Selangor, Malaysia

T (603) 7960 3357 / 5121 / 6733

F (603) 7960 8737

E sis@sistersinislam.org.my

W sistersinislam.org



Bagaimana  
untuk hubungi  
TELENISA ?



@telenisa.sis



@telenisa\_sis

## WAKTU BEKERJA

Selasa • Rabu • Khamis

10.00 a.m - 5.00 p.m

1.00 p.m - 2.00 p.m (Rehat tengahari)

T (603) 7960 8802

E telenisa.sis@gmail.com

## PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN

- Nasihat guaman percuma tentang Undang-Undang Keluarga Islam & Undang-undang Jenayah Islam;
- Perkhidmatan carian peguam syariah; dan
- Dana Bantuan Guaman Nik Noriani Nik Badli Shah; bantuan asas untuk bayaran pemfailan kes di Mahkamah Syariah

ISBN 978-983-2622-41-3



9 789832 622413